

**Wanita Umno Tubuh Sekretariat Khas Bantu Golongan Ibu
Bernama
12 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno akan menubuhkan sebuah sekretariat khas bulan depan bagi melatih golongan ibu berpendapatan rendah bagi menambah pendapatan keluarga masing-masing.

Ketuanya Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata projek perintis itu akan dimulakan di sekitar Lembah Klang yang menasarkankan suri rumah dan ibu tunggal yang pendapatan isi rumah di bawah RM1,000.

"Latihan asas seperti menjahit dan memasak untuk perniagaan di rumah yang mungkin boleh dikembangkan kepada perniagaan atas talian," katanya selepas sambutan Hari Ibu anjuran Wanita Umno sempena ulang tahun ke-66 parti itu di Stadium Nasional, Bukit Jalil di sini, Sabtu.

Shahrizat berkata mereka dijangka memperoleh sekurang-kurangnya RM700 sebulan dengan latihan yang betul selain menggunakan peluang perniagaan dari rumah dengan sebaik mungkin.

Beliau berkata senarai individu yang berkeelayakan di dalam program khas ini juga telah dikenal pasti berdasarkan maklumat akar umbi Wanita Umno.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665751>